

# Meritokrasi ke IPTA ambil kira semula kokurikulum UM 20/06/06 (MS1)

Oleh HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 19 Jun - Kerajaan memperkenalkan semula dasar pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik dan 10 peratus kokurikulum mulai sesi akademik 2006/2007, Julai ini.

Dasar tersebut yang dihentikan pada 2002 ekoran pengenalan sistem meritokrasi berasaskan kecemerlangan akademik, diperkenalkan semula dalam usaha melahirkan generasi muda yang

## Dasar itu yang dihentikan pada 2002, diperkenalkan semula dalam usaha melahirkan generasi muda yang bersifat holistik

bersifat holistik.

Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Hassan Said berkata, kemasukan pelajar ke IPTA tahun ini tidak lagi berasaskan nilai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) atau kecemerlangan akademik sahaja tetapi gabungan PNGK dan aktiviti kokurikulum.

"Dalam beberapa kes, terdapat calon yang mempunyai nilai PNGK 4.0 tetapi markah kokurikulum mereka rendah, maka kedudukan mereka dalam merit lebih rendah berbanding yang mempunyai nilai PNGK kurang tetapi markah kokurikulum lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengenai Status

Keputusan Permohonan Kemasukan Ke IPTA untuk program pengajian lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi bagi sesi akademik 2006/2007, di sini hari ini.

Melalui dasar yang diperkenalkan semula ini, nilai PNGK disetarakan dengan pemarkahan berasaskan kepada markah maksimum 90.

Sebagai contoh, seseorang calon yang mempunyai PNGK 4.0 akan mempunyai markah penuh iaitu 90, manakala calon yang mempunyai PNGK 3.0 akan

■ **Lihat muka 2**

UM 20/06/06 (MS2)

# Meritokrasi ke IPTA ambil kira semula kokurikulum

memperoleh markah 67.5 dengan menggunakan pengiraan (3.0x0.25x90).

Bagi kokurikulum pula, ia melibatkan empat aspek iaitu sukan/permainan, pasukan beruniform, kelab/persatuan dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Bagaimanapun, pengiraan markah kokurikulum hanya melibatkan dua dari empat aspek yang menampilkan markah tertinggi sahaja.

Menurut Hassan, kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada sunan merit, pemilihan program pengajian dan IPTA yang mereka mohon.

Beliau berkata, bagi calon yang memperoleh merit tinggi tetapi gagal mendapat tempat, mereka akan ditawarkan program

pengajian yang mirip dengan pilihan mereka di IPTA sekiranya ada kekosongan.

Hassan berkata, Kementerian Pengajian Tinggi akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi mengemaskini maklumat penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah bermula tahun depan bagi mengelakkan penipuan.

## Bilangan

Sementara itu, beliau mengumumkan sebanyak 40,016 daripada 74,967 calon lepasan STPM, Matrikulasi dan setaraf dengannya ditawarkan tempat mengikuti pengajian peringkat ijazah di semua IPTA bagi sesi 2006/2007 bermula 2 Julai ini.

Menurut Hassan, daripada jumlah itu 24,957 orang (62.36 peratus) adalah bumiputera, manakala 12,616 (31.53 peratus) calon Cina dan 2,443 (6.11 peratus) calon India.

Beliau berkata, sebanyak 23,607 orang (59 peratus) adalah calon aliran sains dan 16,409 (41 peratus) calon sastera.

"Bilangan tersebut tidak termasuk yang ditawarkan tempat di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Begitu juga mereka yang ditawarkan tempat di Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia/Universiti Malaya (UKM/UM)," katanya.

Status keputusan permohonan kemasukan ke IPTA itu boleh disemak mulai hari ini melalui UPU infoLINE (600-83-7890), hotline (03-88835858), helpline (03-88835848) atau Tele-UPU Celcom (600-85-2201).

Ia juga boleh disemak melalui internet di [www.jpt.uum.edu.my](http://www.jpt.uum.edu.my); [www.jpt.utm.my](http://www.jpt.utm.my); [mohe.gov.my](http://mohe.gov.my) atau [emoe.gov.my](http://emoe.gov.my).

Hassan memberitahu, calon yang gagal menerima sebarang tawaran ke IPTA boleh mengemukakan rayuan melalui Aplikasi e-Rayuan bermula hari ini sehingga 30 Jun melalui [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my).

"Jika tiada sebarang jawapan diterima dari IPTA, tiga minggu selepas tarikh pendaftaran, maka rayuan mereka dianggap gagal," ujarnya.